LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihargai,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan maklumat penting tentang perkhidmatan dagangan saham dan akaun yang disediakan kepada anda oleh Public Bank Berhad.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapatinya bermanfaat. **Anda juga digalakkan membacanya.**

PUBLIC BANK

Tarikh : _____

1 Apakah PB Sharelink – Perkhidmatan Dagangan Saham?

PB Sharelink (PBS) – Perkhidmatan Dagangan Saham ialah produk bukan pembiayaan untuk memudahkan urus niaga dan pelaburan anda dalam saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad (BURSA). Terdapat 2 varian produk:

- Akaun Dagangan Tunai (CA)

  Anda boleh membeli saham sehingga baki kredit tersedia (ACB) dalam Akaun PBS anda, pada nisbah 1:1.

- Akaun Dagangan Bercagar (CT)

  Anda boleh membeli saham menggunakan had dagangan (TL) yang ditentukan dengan menggunakan gandaan nilai bagi setiap jenis cagaran yang dicagarkan. Selepas pesanan anda dipadankan, anda perlu menambah baki kredit tersedia (ACB) untuk menjelaskan jumlah penuh kontrak selewat-lewatnya pada T+2 (dua hari bekerja selepas tarikh dagangan).

2 Ketahui Tanggungjawab Anda

CA

Sebagai ilustrasi bagi CA:

- ACB dalam Akaun PBS = RM10,000
- **Anda hanya boleh membuat pesanan Beli sehingga RM10,000 (termasuk Kos Transaksi).**
- Jika anda ingin membuat pesanan Beli tambahan sebanyak RM5,000, anda perlu mendepositkan RM5,000 atau lebih ke dalam Akaun PBS terdahulu sebelum membuat pesanan tersebut.

CT

Sebagai ilustrasi bagi CT:

- ACB dalam Akaun PBS = RM10,000 (gandaan 3X = RM30,000)
- FD dicagarkan = RM5,000 (gandaan 3X = RM15,000)
- Nilai saham dicagarkan menurut Bank = RM3,000 (gandaan 2X = RM6,000)
- Jumlah TL selepas penggandaan nilai = RM51,000
- Pesanan Beli sehingga RM51,000 boleh dibuat.
- Nilai pesanan Beli telah dipadankan = RM51,000 (termasuk Kos Transaksi)
- **Tambah RM41,000 ke Akaun PBS selewat-lewatnya pada T+2 (iaitu RM51,000 tolak baki ACB RM10,000).**

Anda bertanggungjawab untuk:



Membaca dan memahami terma utama dalam borang permohonan serta Terma & Syarat sebelum memohon.



Sentiasa mengekalkan baki yang mencukupi dalam Akaun PBS untuk penyelesaian urus niaga.



Sentiasa pantau kelayakan tindakan korporat anda. Maklumkan keputusan anda kepada kami dengan segera supaya kelayakan tidak luput.



Maklumkan kepada kami dengan segera jika nombor telefon atau alamat anda berubah.

3 Ketahui Kos Anda

I) FI PEMBUKAAN AKAUN:

Jenis Fi	CA	CT	
Pembukaan Akaun CDS dengan Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd	RM10**	RM10**	Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari laman web kami di https://pbebank.com Nota (**) – Tertakluk pada peruntukan Peraturan Cukai Perkhidmatan (ST), Fi ini mungkin tertakluk pada ST.
Penyeteman nominal bagi Surat Tawaran	RM10	RM10	
Penyeteman nominal bagi Surat Tolak Selesai	-	RM10	
Penyeteman nominal bagi Perjanjian Nomini	RM10	RM10	

II) KOS TRANSAKSI ialah perbelanjaan yang ditanggung ketika pembelian dan penjualan saham. Kos transaksi merangkumi komisen broker serta caj berkaitan yang dikenakan oleh bank pelaburan atau syarikat pembrokeran saham seperti yang ditetapkan oleh BURSA.

4 Ketahui Risiko Anda

RISIKO

Risiko utama yang berikut boleh menjejaskan pelaburan saham anda:

- **Risiko Pasaran** akibat turun naik harga saham;
- **Risiko Kecairan** akan menyukarkan urus niaga saham dengan cepat atau pada harga yang dikehendaki;
- **Risiko Syarikat** yang timbul akibat prestasi syarikat yang lemah dan boleh menyebabkan penurunan harga saham dan dividen;
- **Risiko Pengawalseliaan** disebabkan oleh perubahan undang-undang, peraturan atau dasar kerajaan yang boleh menjejaskan operasi, keuntungan dan daya maju syarikat; dan
- **Risiko Inflasi** mengakibatkan penurunan perbelanjaan dan peningkatan kos pinjaman yang boleh menjejaskan keuntungan Syarikat dan harga sahamnya.

Peringatan – Anda perlu memahami dan mempertimbangkan semua faktor risiko dengan teliti sebelum membuat keputusan pelaburan.

5 Ketahui Manfaat Anda

MANFAAT

Antara manfaat membuka Akaun PBS dengan kami:

- Tiada amaun minimum diperlukan untuk membuka akaun.
- Pelbagai saluran tersedia untuk memasukkan dana.
- Had Dagangan dikemas kini serta-merta apabila anda mendepositkan dana ke dalam akaun.
- Akses percuma kepada platform dagangan saham Internet dan mudah alih dengan harga saham serta maklumat masa nyata.
- Faedah dikira setiap hari berdasarkan baki kredit dalam akaun dan dikreditkan pada setiap 15 haribulan. Hanya terpakai kepada pemegang akaun PBS individu sahaja, dengan kadar faedah mengikut kadar Akaun ACE.
- Sokongan daripada Unit Pelaburan Saham Bank untuk semua keperluan pelaburan dan akaun anda.

6 Terma Penting Lain

- Akaun PBS anda tidak boleh digunakan untuk memohon Tawaran Awam Permulaan (IPO).
- Pastikan Akaun PBS anda tidak mempunyai baki terlebih keluar. Untuk mendapatkan semula jumlah itu, Bank berhak menjual paksa saham anda, menggunakan dana daripada akaun anda yang lain dengan Bank, dan/atau mengambil tindakan undang-undang. Tindakan undang-undang boleh menjejaskan penarafan kredit anda, lalu menyukarkan atau meningkatkan kos anda untuk mendapatkan kredit.
- Dokumen ini ialah helaian pendedahan produk untuk tujuan maklumat sahaja. Dokumen ini bukan perjanjian atau pengganti kepada terma dan syarat penuh produk.

NOTA - DEPOSIT DALAM AKAUN PB SHARELINK ANDA DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA SETAKAT RM250,000 BAGI SETIAP PENDEPOSIT. SAHAM DALAM AKAUN TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

Jika anda mempunyai pertanyaan atau memerlukan bantuan tentang PB Sharelink – Perkhidmatan Dagangan Saham, anda boleh:

			
Hubungi kami di 03-2170 8000	E-mel kepada kami di shareinvest@publicbank.com.my atau customerservice@publicbank.com.my	Kunjungi / hubungi Unit Pelaburan Saham (SIU) kami. Senarai dan maklumat SIU tersedia di www.pbebank.com.my	Berikan maklumat melalui bahagian Hubungi Kami di laman web kami, www.pbebank.com.my

Jika balasan kami terhadap pertanyaan atau aduan anda tidak memuaskan, anda boleh menghubungi:

BANK NEGARA MALAYSIA
Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Telefon : 1-300-88-5465 atau melalui borang web di bnmlink.bnm.gov.my

PERKHIDMATAN OMBUDSMAN PASARAN KEWANGAN (FMOS)
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 KL
Telefon : 03-2272 2811
Laman web : www.fmos.org.my

Pengakuan Pelanggan (*)

Pastikan anda sendiri yang mengisi bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan anda:

☐ Saya mengakui bahawa Public Bank Berhad telah memberikan saya sesalinan PDS ini.

☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

* Perakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan memprejudiskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya terdapat pertikaian mengenai terma dan syarat produk.

Tandatangan

_____

Nama:

Tarikh: